

TEKS UCAPAN:

SESI PENGGULUNGAN KE ATAS BELANJAWAN 2023 PERINGKAT DASAR DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KE-15

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL
KHAMIS, 9 MAC 2023

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi pihak Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang prihatin dan telah mengambil bahagian dalam memberikan pandangan yang menyentuh bidang tugas Kementerian saya sepanjang Sesi Perbahasan Belanjawan 2023 yang berlangsung mulai 27 Februari hingga 7 Mac 2023.
2. Seramai **26** orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan **30** soalan mengenai perkara-perkara yang terletak di bawah tanggungjawab KKD terutamanya berkaitan:
 - (i) Perkhidmatan Internet/komunikasi;

- (ii) Digital Nasional Berhad (DNB);
- (iii) Ekonomi Digital dan Pusat Ekonomi Digital (PEDi);
- (iv) Industri Kreatif; dan
- (v) Perkhidmatan Pos dan Kurier.

Tuan Yang di-Pertua,

3. YB Lawas, YB Pasir Mas, YB Kinabatangan, YB Masjid Tanah, YB Baram, YB Serian, YB Tuaran, YB Rasah, YB Betong, YB Kuala Pilah, YB Parit, YB Kulim Bandar Baharu, YB Batang Sadong, YB Lubok Antu, YB Sipitang dan YB Padang Rengas telah membahaskan isu berkaitan perkhidmatan internet/komunikasi.

3.1. Kerajaan komited untuk terus memperkasakan kesalinghubungan serta mengukuhkan ekosistem digital negara merentasi sektor industri dan rakyat Malaysia. Antara usaha yang telah dilakukan termasuklah peningkatan kapasiti rangkaian telekomunikasi serta keupayaan infrastruktur sedia

ada dan pembinaan menara telekomunikasi yang baharu.

- 3.2. Di bawah JENDELA Fasa 1 (2020-2022), sebanyak 7.7 juta premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap, melebihi daripada jumlah 7.5 juta premis sebagaimana yang disasarkan. Bagi jalur lebar mudah alih pula, pencapaian liputan setakat suku keempat 2022 adalah 96.9% di kawasan berpenduduk, sebagaimana yang disasarkan. Selain itu, kadar purata muat turun jalur lebar mudah alih telah mencapai 116.03 Mbps berbanding sasaran asal sebanyak 35 Mbps.
- 3.3. Menjelang akhir 2025 di bawah JENDELA Fasa 2 (2023-2025), sasaran Kerajaan adalah untuk meningkatkan akses gentian optik kepada 9 juta premis di seluruh negara dan meluaskan liputan jalur lebar kepada 100% kawasan berpenduduk di seluruh negara.
- 3.4. Dalam usaha untuk memperkasakan lagi aspek kesalinghubungan ini, KKD telah mempercepatkan

penyediaan perkhidmatan jalur lebar melalui teknologi satelit di 839 lokasi di kawasan pedalaman di seluruh negara yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2023 namun berjaya disiapkan sepenuhnya pada tahun 2022.

- 3.5. Kerajaan juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara dengan lebih baik.
- 3.6. Secara keseluruhannya, Fasa 1 bagi projek PoP ini akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah dan 47 kawasan industri manakala Fasa 2 pula akan melibatkan 3,693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara. Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap kelak.

3.7. Sehingga 10 Februari 2023 sebanyak 292 kawasan PoP telah berjaya disiapkan dengan menyediakan sebanyak 32,198 premis sedia untuk dilanggan dan menikmati perkhidmatan internet berkelajuan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

3.8. Kerajaan cakna mengenai isu gangguan kualiti perkhidmatan selular awam di kawasan bandar atau pedalaman yang menyebabkan panggilan terputus atau terhalang dan perkhidmatan jalur lebar mudah alih dengan kelajuan internet yang perlahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

3.9. Pada tahun 2022, SKMM telah selesai mengaudit sejumlah 3,080 lokasi di seluruh Malaysia. Setakat ini, sebanyak 229 Arahan Suruhanjaya berkaitan Kualiti Perkhidmatan telah dikeluarkan kepada pemberi perkhidmatan yang gagal mematuhi Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan, yang melibatkan 214 lokasi berbeza.

3.10. Daripada 229 Arahan Suruhanjaya tersebut, pemberi perkhidmatan telah membuat penambahbaikan yang melibatkan 157 Arahan Suruhanjaya. Manakala, semakan semula akan dibuat ke atas lokasi yang melibatkan 32 Arahan Suruhanjaya. Tindakan sivil akan diambil ke atas baki 40 Arahan Suruhanjaya yang telah gagal dipatuhi. Bagi lokasi-lokasi lain yang telah diaudit, hasil dapatan masih dalam peringkat analisis dan semakan.

3.11. Melalui Arahan Suruhanjaya ini, pemberi perkhidmatan wajib melakukan penambahbaikan kualiti perkhidmatan dengan mengoptimumkan atau menaik taraf menara sedia ada agar kualiti pengalaman pengguna pada tahap yang baik serta menyediakan menara baharu untuk menambah baik kualiti jaringan jalur lebar. Kegagalan pemberi perkhidmatan mematuhi Arahan Suruhanjaya ini boleh dikenakan penalti sivil sehingga RM200,000 di bawah seksyen 109, Akta 588.

3.12. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, SKMM telah membuka kaunter aduan pada 6 dan 7 Mac 2023 bagi membolehkan semua Ahli Yang Berhormat menyalur aduan berkenaan isu komunikasi dan kesalinghubungan di kawasan masing-masing. Saya dimaklumkan seramai 102 Ahli Yang Berhormat telah berkunjung ke kaunter SKMM.

3.13. Saya amat menghargainya dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah bekerjasama dengan kami di mana sejumlah 68 aduan yang lengkap dengan butiran dan pegawai untuk dihubungi oleh pihak SKMM telah diterima untuk diambil tindakan seterusnya.

Nota:

34 aduan yang tidak lengkap atau bertindih adalah disebabkan antaranya tiada nombor telefon, tiada nama pegawai bertanggungjawab (PIC) dan lokasi tidak diberikan

3.14. KKD akan terus menumpukan usaha pembangunan dan peningkatan kemudahan digital di luar bandar dan pedalaman bagi memastikan

kesamarataan akses kepada teknologi dan internet di seluruh negara, seterusnya mengatasi jurang atau kesenjangan digital yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua,

4. **YB Titiwangsa** dan **YB Ledang** telah membangkitkan isu **Digital Nasional Berhad (DNB)**.

4.1 **YB Titiwangsa** mencadangkan supaya TM dilantik untuk melaksanakan rangkaian 5G. Untuk makluman, DNB ditubuhkan untuk melaksanakan rangkaian 5G pada kadar yang dipercepatkan, berdasarkan model pemulihan kos (*cost recovery*) dan berpandukan bekalan (*supply led*). Model ini diguna pakai bagi mempercepatkan pelaksanaan rangkaian 5G pada kos yang rendah seperti dihasratkan oleh Kerajaan.

4.2 Berdasarkan Arahan Menteri yang dikeluarkan pada 31 Mei 2021, di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 mengenai pembangunan infrastruktur dan rangkaian 5G, Kerajaan telah memutuskan untuk mempercepatkan pelaksanaan

infrastruktur dan rangkaian 5G di Malaysia melalui entiti neutral tunggal bagi merealisasikan potensi 5G dalam mewujudkan peluang ekonomi dan inovasi baharu untuk Malaysia. TM sebagai sebuah syarikat telekomunikasi, turut bersaing dalam industri ini dan tidak dapat dianggap sebagai neutral dalam pelaksanaan rangkaian.

4.3 Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh **YB Ledang**, dimaklumkan bahawa sesi libat urus oleh KKD bersama semua syarikat telekomunikasi, DNB serta SKMM adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan maklumat tambahan daripada semua pihak yang terlibat, dalam menentukan hala tuju model pelaksanaan rangkaian 5G.

4.4 Siri sesi libat urus ini masih lagi diteruskan, di mana masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi dan diteliti, sebelum keputusan mengenai hala tuju pelaksanaan 5G dapat dicapai. Kerajaan dijangka akan membuat keputusan muktamad mengenai pelaksanaan rangkaian 5G ini pada penghujung Mac 2023.

- 4.5 Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, model *Single Wholesale Network* (SWN) yang digunakan DNB adalah berdasarkan model pemulihan kos (*cost recovery*) dan berpandukan bekalan (*supply led*) sebagaimana yang saya nyatakan sebentar tadi. Kerajaan pada ketika ini sedang mempertimbang model pelaksanaan serta teknologi terkini, seperti teknologi *Broadband Wireless Access* (BWA), *Fixed Wireless Access* (FWA) dan teknologi satelit, bagi merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan desa.
- 4.6 Sehingga 31 Januari 2023, DNB telah mencapai 52.6% Liputan di Kawasan Berpenduduk [*Coverage of Populated Area (COPA)*] dan komited untuk mencapai 80% COPA menjelang penghujung tahun 2023, seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2023.
- 4.7 Sekali lagi saya tekankan bahawa Kerajaan kini mengambil pendekatan supaya DNB diuruskan dengan lebih telus dan terangkum supaya mencapai penyertaan penuh oleh pihak penyedia

perkhidmatan telekomunikasi. Akhirnya, apa yang mustahak adalah untuk mencapai liputan 5G yang menyeluruh dan pada harga yang berpatutan untuk rakyat.

5. **YB Kuala Terengganu, YB Betong, YB Kuala Pilah dan YB Jempol** menyentuh mengenai **ekonomi digital** dan **Pusat Ekonomi Digital (PEDi)**.

5.1 Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 911 buah PEDi di seluruh negara. YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Belanjawan 2023 telah mengumumkan pembinaan satu PEDi di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) yang tiada PEDi pada masa ini.

5.2 Langkah ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan komuniti setempat di seluruh negara menerima manfaat bagi membantu peniaga kecil meningkatkan pengetahuan ICT dan e-dagang. Inisiatif ini akan melibatkan 169 DUN yang telah dikenal pasti masih tiada PEDi. Susulan pengumuman tersebut, pelaksanaan akan bermula pada suku keempat tahun 2023.

5.3 Penggunaan teknologi digital telah menjadi norma baharu pasca pandemik COVID-19, dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk dalam urusan perniagaan. Walau bagaimanapun, telah wujud satu jurang berkaitan digitalisasi dalam perniagaan berikutan tahap kefahaman dan pendedahan yang berbeza. Sebagai contoh, ada yang beranggapan dan berpuas hati apabila mereka berjaya menjual produk menerusi penggunaan teknologi seperti '*Whatsapp for Business*' dan mengatakan bahawa perniagaan mereka telah didigitalisasikan.

5.4 *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) menyedari cabaran masa kini dan berusaha untuk membantu meningkatkan tahap digitalisasi perniagaan oleh para usahawan dan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam tiga aspek iaitu Operasi Perniagaan, Pemasaran dan Penjualan serta Keperluan Logistik menerusi beberapa program antaranya:

- (i) Program 100 Go Digital – di mana MDEC membuka peluang dan bekerjasama dengan

pelbagai persatuan perniagaan seperti *Malaysia Retail Chain Association (MRCA)* dan *Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce (MAICCI)* untuk melaksanakan sesi kesedaran dan klinik bagi membantu pihak PMKS memahami manfaat digitalisasi dan penyelesaian digital yang diperlukan oleh pihak mereka. Dalam tahun 2022, sebanyak 46,850 PMKS telah mengambil bahagian dan mendapat kesedaran berhubung digitalisasi perniagaan daripada program-program MDEC di mana sebanyak 25,025 telah memulakan proses digitalisasi perniagaan mereka.

- (ii) Program Adaptasi Model Ekonomi Perkongsian – di mana MDEC memberikan kesedaran berhubung pelbagai perkhidmatan yang boleh diperolehi dan dimanfaatkan oleh pihak PMKS seperti khidmat penghantaran, khidmat pekerja sementara dan pelbagai jenis perkhidmatan yang boleh diperolehi menerusi platform-platform Ekonomi Perkongsian yang telah ditentukan.

Berdasarkan pelaksanaan program ini, saiz pasaran sektor Ekonomi Perkongsian di Malaysia adalah dianggarkan telah melebihi RM2.5 billion dalam tahun 2022 di mana anggaran sekurang-kurangnya RM1.5 billion adalah anggaran saiz pasaran oleh platform-platform yang telah ditentukan oleh jawatankuasa *Crowdsourcing* di bawah pihak KKD/MDEC.

- (iii) Program eUsahawan – di mana MDEC menyediakan modul latihan sendiri serta turut mengadakan latihan dan bimbingan kepada usahawan yang ingin memahami dan belajar secara terperinci penggunaan pelbagai teknologi media sosial bagi tujuan pemasaran produk dan perkhidmatan mereka. Dalam tahun 2022, seramai 47,469 usahawan telah mengikuti latihan eUsahawan di mana 25,144 telah berjaya mendapat manfaat dan menjana jualan atas talian berjumlah RM52.03 juta.

5.5 Sehingga tahun 2022, sebanyak 35 lokasi di bawah PEDi di seluruh negara menawarkan latihan

program eUsahawan. Pelaksanaan program eUsahawan akan terus diperluaskan secara berperingkat di lebih banyak lokasi PEDi termasuk kawasan Parlimen di luar bandar. Pada tahun 2023, disasarkan sebanyak 100 lagi lokasi PEDi bakal menawarkan program eUsahawan dengan melatih sebanyak 3,500 PMKS.

5.6 Untuk makluman **YB Kuala Terengganu**, sebanyak tiga PEDi di Terengganu, iaitu PEDi Kg Binjai Bongkok, PEDi Felda Jerangau Barat dan PEDi Kg. Jabi telah dijadikan hab eUsahawan yang telah memberikan manfaat kepada peniaga, termasuk peniaga di Pasar Payang mendigitalisasikan perniagaan mereka. Seramai 258 peserta telah menjalani latihan eUsahawan di PEDi sekitar Terengganu di mana 232 daripadanya telah menggunakan platform digital untuk memasarkan produk mereka. Jumlah transaksi jualan dalam talian yang telah direkodkan adalah sebanyak RM 318 ribu.

5.7 Keberkesanan program eUsahawan di PEDi di Terengganu dapat dilihat melalui kisah kejayaan

Saudari Suhaini Azni binti Mohamed yang telah menerima latihan eUsahawan di PEDi Kampung Jabi, Besut. Beliau telah mempelajari serta mempraktikkan teknik jualan langsung (*Live Selling*) melalui aplikasi *TikTok Shop* yang dipelajari di PEDi. Kini minyak wangi yang dihasilkan melalui formula beliau sendiri, telah terjual secara meluas khususnya di platform-platform e-dagang. Anggaran purata penghasilan produk beliau kini mencecah 3,000 ke 5,000 unit sebulan dan janaan jualan juga telah meningkat sebanyak 500%.

5.8 PEDi juga memperkenalkan satu inisiatif pendigitalan komprehensif yang dikenali sebagai Program Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK) untuk memperkasa dan membantu usahawan setempat agar terlibat dalam ekonomi digital dan menggalakkan penggunaan pendigitalan perniagaan. PUPUK menawarkan peluang latihan dan bimbingan kepada masyarakat sekitar PEDi khususnya usahawan tempatan sedia ada untuk meningkatkan hasil jualan dengan menceburi perniagaan dalam talian melalui platform e-dagang.

5.9 Bagi memantapkan lagi usaha ini, setiap PEDi telah melantik IKON Usahawan bagi menyokong untuk mengukuhkan peranan PEDi dalam memberi inspirasi dan memacu e-dagang dalam kalangan usahawan tempatan setempat. PUPUK diterajui oleh SKMM dengan penglibatan agensi kerajaan dan swasta seperti MDEC, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), MyNIC Berhad, Bank Simpanan Nasional, Shopee Malaysia dan AEON CO (M) Bhd.

5.10 Di samping itu, SKMM bersama syarikat-syarikat telekomunikasi yang mengendalikan PEDi telah melantik 600 Rakan Digital PEDi, yang berperanan khusus bagi membantu usahawan setempat agar terlibat dalam ekonomi digital di bawah PUPUK. Setakat 31 Disember 2022, terdapat 2,074 usahawan di negeri Terengganu yang menerima manfaat daripada PUPUK.

Tuan Yang di-Pertua,

6. **YB Balik Pulau, YB Bukit Bendera, YB Masjid Tanah dan YB Kuala Kangsar** telah membangkitkan isu berkaitan **industri kreatif**.

- 6.1 Skop industri kreatif di bawah KKD adalah berkaitan bidang perfileman, muzik dan juga kandungan kreatif digital di bawah pelaksanaan agensi-agensi seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), MDEC dan MyCreative Ventures (MyCV). Dalam usaha untuk membangunkan ekosistem industri kreatif, Kerajaan melalui KKD telah memperuntukkan sebanyak RM102 juta Dana Kandungan Digital (DKD) di bawah Belanjawan 2023 bagi membantu para penggiat industri kreatif perfileman, muzik dan kandungan kreatif digital untuk berkarya dan menghasilkan produk berkualiti tinggi di bawah seliaan skop KKD.
- 6.2 Mulai tahun 2016 sehingga kini sebanyak RM335.9 juta telah disalurkan kepada 1,699 penggiat industri oleh Kementerian, FINAS, MDEC dan MyCV. DKD telah membantu mewujudkan sebanyak 38 ribu pekerjaan seperti kru produksi, jurukamera, animator, pengaturcara, penulis lirik, pengubah lagu, pengadun muzik dan lain-lain.

- 6.3 Antara contoh filem, dokumentari dan animasi yang telah menerima DKD ialah Mat Kilau Kebangkitan Pahlawan, Prebet Sapu, Mechamoto by Animonsta Studio, Ejen Ali The Movie, *Air Force Selagi Bernyawa*, *Malaysia's Last Tigers*, *Barbarian Invasion*, *Small Town Heroes*, *The Spirit of Lion* dan lain-lain melalui pelbagai program yang disediakan.
- 6.4 Bagi tahun 2023, FINAS membuka tawaran bagi membantu syarikat penerbitan tempatan melalui Dana Filem Cereka, Dana *First Time Amateurs Filmmakers* (FAME) bagi karyawan/graduan/pengarah yang pertama kali mengarah filem tempatan. Manakala, MDEC pula menawarkan Geran Projek Mini, Geran Pembangunan dan Geran Produksi untuk membantu pembangunan kandungan bagi produk animasi dan *e-games* dalam kategori Enterprise, Syarikat Perkongsian Liabiliti Terhad dan Sendirian Berhad melaksanakan projek dalam tempoh jangka pendek.
- 6.5 Selain itu, MyCV selaku Agensi Pelaksana DKD Industri Muzik telah membuka tawaran melalui program Pemasaran dan Promosi Antarabangsa,

Kebolehan Pasaran (Domestik) dan Dana Persembahan Muzik yang turut merangkumi penghasilan lagu dan video muzik, pemasaran di dalam dan di luar negara serta penganjuran konsert.

6.6 **YB Bukit Bendera** mencadangkan supaya Malaysia dijadikan hab pusat penggambaran dan juga hab muzik melalui kewujudan sektor pelancongan muzik. Untuk makluman, dalam usaha untuk menyokong hab pusat penggambaran, KKD melalui FINAS telah melaksanakan inisiatif *Film In Malaysia Incentives* (FIMI) yang menawarkan 30% rebat tunai berdasarkan *Qualifying Malaysia Production Expenditure* (QMPE) kepada produksi filem & TV dalam dan luar negara yang menjalankan penggambaran di dalam negara. Tambahan maksimum 5% rebat juga diberikan sekiranya produksi tersebut turut memaparkan elemen seni dan kebudayaan.

6.7 Sejak tahun 2013, FIMI telah memberi impak ekonomi secara langsung sebanyak RM2.53 billion melalui aktiviti berkaitan perfileman seperti

peningkatan gaji kru dan pelakon yang terlibat dalam produksi, sewaan studio, peralatan produksi seperti dan sebagainya. FIMI juga secara tidak langsung telah membantu menjana ekonomi setempat sebanyak RM8.68 billion kepada aktiviti pelancongan, perhotelan, pengangkutan, perkhidmatan sajian makanan, perkhidmatan perundangan dan lain-lain faedah.

6.8 Selain daripada FIMI, Kementerian juga dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi penggambaran filem asing berusaha menambahbaik dan memudah cara prosedur kelulusan melalui Agensi Permohonan Penggambaran Filem Asing dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL).

6.9 Manakala dalam konteks muzik, pada masa ini KKD menyediakan sokongan melalui DKD bagi pembangunan dan penghasilan kandungan muzik tempatan. Berkaitan dengan cadangan mewujudkan sektor pelancongan muzik, KKD menyokong sepenuhnya segala usaha untuk memperkasakan inisiatif ini.

6.10 Untuk makluman YB Bukit Bendera, Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) telah diwujudkan pada tahun 2010 di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Seperti yang kita sedia maklum, susulan perubahan tampuk kepimpinan Kerajaan pada tahun 2018, skop industri kreatif di bawah kementerian ini telah difokuskan kepada bidang perfileman, muzik dan juga kandungan kreatif digital. Oleh itu, memandangkan skop industri kreatif kini merentasi beberapa kementerian, jabatan dan agensi, kajian semula DIKN secara menyeluruh akan dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi bagi menentukan hala tuju dan skop yang jelas di bawah industri kreatif.

6.11 Mengenai isu kebajikan penggiat seni yang dibangkitkan oleh **YB Bukit Bendera** dan **YB Kuala Kangsar**, dimaklumkan bahawa KKD sentiasa prihatin terhadap kebajikan artis, pelakon dan penggiat industri kreatif dan telah melaksanakan pelbagai program di bawah Jabatan Penyiaran

Malaysia (RTM) dan FINAS untuk membantu golongan ini.

6.12 RTM misalnya telah menyediakan peluang kepada artis-artis veteran muncul di televisyen dan radio dalam rancangan berbentuk hiburan dan drama-drama terbitan *in-house* RTM seperti “Istimewa Lejen”, “Konsert Minggu Ini”, Program Radio Klasik Drama “Purbawara”, Selangor FM “Layar Merah” dan lain-lain. Kemunculan artis veteran dalam program seumpama ini telah mempromosikan bakat mereka dan secara tidak langsung membuka lebih banyak peluang untuk terus berkarya dan menjana pendapatan.

6.13 FINAS juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya program FINAS Prihatin yang dilancarkan pada tahun 2020. Program ini bertujuan membantu penggiat industri kreatif yang mengalami masalah kesihatan, keuzuran dan terputus pendapatan akibat pandemik COVID-19 dan juga semasa fasa endemik. Sebanyak 15 persatuan dan 240 individu telah menerima bantuan dan sumbangan melalui

program ini daripada tahun 2020 sehingga tahun 2022.

6.14 Selain itu, FINAS juga telah mengadakan sesi perbincangan bersama KWSP dan PERKESO untuk menggalakkan penggiat industri kreatif untuk mencarum, khususnya i-Saraan (KWSP) dan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri SKSPS (PERKESO). Data terkini pencarum i-Saraan (KWSP) penggiat industri kreatif adalah seramai 2,864. Manakala bagi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri SKSPS (PERKESO) adalah seramai 630 pencarum. FINAS masih melihat keperluan kewajipan caruman dari sudut perundangan, walaupun ianya penting demi kelangsungan hidup penggiat industri tetapi tidak membebankan mereka dari sudut faktor kewangan.

6.15 Di samping itu, KKD melalui FINAS telah menubuhkan tabung komuniti filem yang bertujuan untuk menjaga kebajikan penggiat industri khususnya penggiat industri filem yang merangkumi individu, persatuan, pertubuhan dan lain-lain. Melalui tabung ini, Kerajaan melalui FINAS

berperanan untuk menyelaras agihan bantuan/sumbangan/kutipan derma melalui kerjasama daripada badan-badan kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO), persatuan, syarikat swasta dan individu.

7. **YB Kuala Krai, YB Parit dan YB Kuantan** membangkitkan isu filem **Mentega Terbang** yang didakwa boleh memesong dan mencabar akidah umat Islam di negara ini.

7.1 Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penapisan kandungan filem dalam dan luar negara adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Penapisan Filem (LPF), Kementerian Dalam Negeri (KDN). Walau bagaimanapun, KKD juga telah mengambil tanggungjawab bersama dan meneliti tindakan yang boleh diambil di bawah bidang kuasa KKD dan mendapati syarikat produksi filem ini iaitu Meng Kheng Entertainment tidak memiliki Lesen Pengeluaran Filem (LPF) dan tidak memohon Surat Perakuan Penggambaran (SPP) daripada FINAS. KKD memandang serius perkara ini dan sedang menjalankan siasatan secara menyeluruh

berpandukan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981, Akta 244.

7.2 Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981, Sub seksyen 22 (1) telah memperuntukkan:

Tiada seseorang boleh mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti mengeluarkan, mengedar atau mempamer filem atau mana-mana gabungan aktiviti yang dinyatakan dalam subseksyen 21 (1) melainkan jika suatu lesen dikeluarkan yang memberi kuasa kepadanya untuk berbuat demikian".

7.3 Sehubungan itu, merujuk kepada Seksyen 22 (1), jika disabitkan kesalahan syarikat boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 25 (1) iaitu denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

7.4 FINAS sedang menjalankan siasatan yang terperinci berhubung penerbitan filem ini dan sekiranya terdapat pelanggaran kepada peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Perlesenan) 1983 yang berkuat kuasa, tindakan sewajarnya akan diambil ke atas syarikat produksi filem tersebut.

7.5 Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KKD telah dimaklumkan bahawa filem Mentega Terbang telah ditayangkan di platform penstriman Viu. Tugas atau tanggungjawab untuk menapis kandungan termasuk filem atau drama di platform penstriman internet bukan terletak di bawah bidang kuasa SKMM seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 3(3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

7.6 Walau bagaimanapun, SKMM telah mengambil langkah menghubungi pihak penyedia penstriman Viu dan dimaklumkan bahawa tayangan filem tersebut telah dihentikan pada 27 Februari lalu, dan kandungan filem tersebut juga telah diturunkan secara kekal daripada platform berkenaan.

7.7 Pihak penerbit dan produksi filem juga adalah diingatkan untuk sentiasa cakna dan prihatin terhadap perkara yang boleh menyentuh sensitiviti agama demi menjaga dan mengekalkan keharmonian kaum dan agama dalam negara.

8. Seterusnya, izinkan saya memberikan maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh **YB Kuantan** berkaitan perkhidmatan pos dan kurier.

8.1 Kerajaan melalui SKMM mengawal selia industri perkhidmatan pos dan kurier di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012 bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat dan sektor perniagaan dapat disediakan dengan cekap di seluruh negara.

8.2 Bagi menangani isu persaingan harga yang melampau (*predatory*), Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan harga lantai bagi perkhidmatan bungkusan pada April 2022 melalui pendekatan kawal selia *light-handed* yang diguna pakai oleh semua pemain industri. SKMM telah mengeluarkan garis panduan penetapan harga kepada pemain

industri bertujuan untuk membimbing industri ke arah persaingan yang sihat dan lestari. Pemain industri juga telah dikenakan syarat untuk mengemukakan maklumat berkaitan pematuhan mereka kepada harga lantai yang ditetapkan.

8.3 Pendekatan ini disambut baik oleh pemain industri dan harga lantai ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya kekal relevan selari dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan pemain industri pos dan kurier untuk terus melabur dalam penyediaan infrastruktur fizikal dan digital di Malaysia, menjamin mutu perkhidmatan dapat terus dipertingkatkan untuk kesejahteraan rakyat dan penyediaan pekerjaan yang berkualiti kepada lebih 170,000 pekerja dalam industri pos dan kurier.

8.4 Kerajaan juga akan terus membuat rundingan dengan pemain industri bagi memastikan dasar-dasar yang sesuai dapat disediakan bagi merencanakan lagi pembangunan industri pos dan kurier di Malaysia di samping syarikat-syarikat pos dan kurier tempatan dapat bersaing secara

saksama dalam industri yang sedang berkembang pesat.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan 2023 Peringkat Dasar yang menyentuh mengenai peranan Kementerian Komunikasi dan Digital. Kementerian mengambil perhatian setiap pandangan dan cadangan yang diberikan dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa Kementerian.

Sekian, terima kasih.